

SOALAN NO: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 MEI 2016

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kajian semula terhadap pekerja-pekerja wanita yang diberi cuti bersalin dalam Akta kerja 1955.

PR-1342-L74688

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa mengambil berat dan menjaga kebajikan pekerja wanita yang mana beberapa peruntukan berkaitan kebajikan mereka di bawah Akta Kerja 1955

telah dipinda pada tahun 2012. Antara pindaan yang dibuat adalah seperti berikut:

- i) memperluaskan perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira had gaji;
- ii) membolehkan pekerja wanita yang telah hamil sekurang-kurangnya 22 minggu (5 ½ bulan) menikmati cuti bersalin bergaji, berbanding 28 minggu sebelum ini. Pindaan ini juga selaras dengan ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); dan
- iii) seseorang pekerja wanita tidak boleh ditamatkan perkhidmatannya semasa dalam tempoh cuti bersalin walaupun pekerja wanita itu gagal memberikan notis mengenai cuti bersalinnya.

2. KSM pada masa ini sedang mengkaji Akta Kerja 1955 secara holistik dan berasaskan obligasi yang hendak dipatuhi di bawah Bab Buruh Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) termasuk isu-isu berhubung kebajikan pekerja wanita. Cadangan pindaan akan turut merangkumi memansuhkan peruntukan yang bersifat diskriminasi terhadap pekerja wanita.